

## UMP, MUIP Bantu Mangsa Banjir dalam Gotong-Royong Mahkota Amal



Pekan, 15 Februari – Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama beberapa agensi lain membantu memperbaiki 14 rumah mangsa banjir di PPRT Kampung Temai dalam program Gotong-Royong Mahkota Amal anjuran pihak dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) baru-baru ini.

Kerja-kerja memperbaiki rumah ini dibiayai sepenuhnya pihak MUIP manakala aktiviti gotong-royong dijalankan sukarelawan melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Daerah Pekan, Majlis Daerah Pekan, Pejabat ADUN Bebar, MUIP dan staf dan pelajar UMP sendiri.

Dalam program ini Kebawah Duli yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berangkat mengurniakan sumbangan kewangan kepada mangsa terlibat. Turut hadir Timbalan Yang Di-Pertua MUIP, Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Hj. Abdul Wahid Hj. Wan Hassan, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pegawai Daerah Pekan, Dato' Mohd. Fadzli Mohd. Kenali.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, dalam usaha membantu rumah mangsa banjir sukarelawan UMP dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) membantu menyiapkan kerja-kerja pemasangan dinding dan memperbaiki kerosakan yang dibiayai pihak MUIP untuk dua rumah mangsa yang terlibat dalam bencana banjir.



"UMP juga membantu menyampaikan sumbangan berbentuk tilam, bantal dan selimut serta peralatan kebersihan dan keperluan harian untuk meringankan beban mangsa banjir. Ianya adalah sebahagian daripada usaha UMP dalam mengumpul sumbangan daripada orang ramai untuk diagihkan kepada mangsa," katanya.

Sementara itu, penghuni rumah, Rahmah Omar, 61 yang mempunyai 11 orang anak melahirkan rasa terharu atas sumbangan yang diterima pihak MUIP dan sukarelawan UMP yang membantu memperbaiki rumah. Begitu juga dengan jiran beliau, Fatimah Jaafar, 60 yang berbangga dengan kesudian pelbagai pihak hadir menghulurkan bantuan dan sumbangan yang tidak putus-putus sejak bencana menimpa.

Hadir sama dalam Gotong-royong Mahkota Amal, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie dan Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Fazia Ali yang turut turun padang menjayakan program.



Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 17-02-2015, 16:21:11